



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU

PEKELILING TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK)

Bilangan 1 Tahun 2019

PENDAFTARAN PELAJAR PROGRAM PRA-DIPLOMA, DIPLOMA, SARJANA MUDA DAN SARJANA SEMESTER MAC – JULAI 2019

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memberi peringatan berhubung pendaftaran pelajar (Kumpulan B / Pra-Diploma, Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana) Semester Mac – Julai 2019 di Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.
2. Pekeliling ini juga adalah sebagai pemakluman kepada pelajar bahawa **kuliah bagi Semester Mac - Julai 2019 akan bermula pada 24 Februari 2019**. Sehubungan itu, adalah menjadi **tanggungjawab pelajar** untuk melakukan perkara-perkara berikut **sebelum kuliah bermula**:
 - (a) Membayar yuran pengajian.
 - (b) Membuat pendaftaran kursus secara *online* (mendaftar kumpulan dan kursus) dengan melayari laman web *i-student portal*.
 - (c) Mendaftar di kolej kediaman masing-masing
Bagi pelajar *non resident* pula adalah dimestikan mendaftar di Pejabat Pengurusan Kolej Kawasan Pantai.
3. Para pelajar yang mempunyai **masalah kewangan untuk membayar yuran pengajian**, hendaklah:
 - (a) Merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau Unit Zakat bagi mendapatkan bantuan kewangan; **atau**
 - (b) **Mengisi Borang Permohonan Penangguhan Bayaran Yuran Pengajian** yang boleh didapati di HEA dan majukan kepada Timbalan Rektor (Akademik) UiTM Cawangan Terengganu untuk membayar yuran lewat daripada tarikh yang ditetapkan.
4. Seterusnya, para pelajar adalah diingatkan supaya **menghadiri kuliah sepertimana yang telah dijadualkan, iaitu bermula 24 Februari 2019**. Kegagalan menghadiri kuliah adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

